




MENGURUS KEWANGAN PASCAPANDEMIK COVID-19

Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki



Penularan wabak penyakit COVID-19 membawa banyak pengajaran yang dapat diteladani oleh manusia, antaranya termasuklah tentang pengurusan wang. Hal ini dikatakan demikian kerana bagi mereka yang tidak bekerja “makan gaji” atau mempunyai pendapatan tetap, pastinya kehadiran wabak ini memberikan kesan yang buruk, terutamanya dari sudut ekonomi isi rumah dan pendapatan keluarga.



Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), individu yang kehilangan pekerjaan di negara ini meningkat 42 peratus bagi suku pertama tahun ini kerana kesan COVID-19. Hal ini bermakna, daripada 7.5 juta kakitangan aktif berdaftar dengan PERKESO pada tahun 2019, seramai 1.458 juta bekerja dalam sektor pelancongan, dan 1.457 juta lagi bekerja dalam bidang pembuatan berisiko besar untuk ditamatkan kerja oleh majikan masing-masing akibat kemurungan ekonomi kesan daripada penularan wabak COVID-19.

Malah, Forum Ekonomi Dunia menjangkakan terdapat entiti perniagaan global yang terpaksa ditutup, dan ada yang mungkin melakukan penstrukturan serta adaptasi melalui penggunaan sistem automasi, Internet pelbagai benda (IoT) dan teknologi kecerdasan buatan (AI) bagi membolehkan operasi perniagaan berjalan seperti biasa tanpa melibatkan pertemuan individu secara bersemuka. Hal ini sekali gus mengurangkan pengambilan tenaga kerja, seterusnya menjejaskan peluang pekerjaan.

Mungkin ada yang masih selesa dengan pemberian pelbagai bentuk bantuan yang terdapat dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) bernilai RM250 bilion yang melibatkan setiap peringkat masyarakat. Namun begitu, harus diingat bahawa bantuan tersebut bukanlah bersifat kekal dan berpanjangan. Pelbagai kemudahan dan bantuan, seperti pemberian moratorium, bantuan khas prihatin, pengeluaran i-Lestari daripada pengeluaran akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), dan pelbagai bentuk geran bantuan merupakan inisiatif kerajaan bagi membantu mereka yang terjejas dari sudut ekonomi.

Berhubung perkara ini, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dalam World Economic Outlook 2020 turut menyarankan agar setiap negara bersedia untuk mengekang krisis ekonomi disebabkan pandemik COVID-19 melalui dasar fiskal yang antaranya melibatkan bantuan kepada isi rumah dan perniagaan. Kesan fiskal yang kukuh akan dapat memulihkan ekonomi dengan lebih pantas dan berkesan.

Realitinya, masyarakat perlu bijak mengatur dan merencana kewangan mereka, dan bukan hanya sekadar menunggu bantuan demi bantuan kunjung tiba. Langkah ini amat penting sebagai persediaan menghadapi sebarang kemungkinan termasuk mengelak dihipit masalah kewangan yang serius, apatah lagi jika seseorang itu mengalami keadaan "putus wang belanja", iaitu mereka langsung tiada duit

untuk membeli barangan keperluan, salah berbelanja untuk tujuan yang tidak sepatutnya, risiko beban hutang melampau, serta menjejaskan simpanan pada masa hadapan.

Oleh itu, antara langkah awal yang perlu diberikan keutamaan adalah dengan menilai semula kedudukan kewangan terkini, serta mengenal pasti jumlah pendapatan dan perbelanjaan bulanan isi rumah. Tindakan drastik yang boleh dilakukan terutamanya oleh ketua keluarga adalah dengan cara mengenal pasti kos yang melibatkan keperluan, seperti makanan dan pendidikan, dan pada masa yang sama mengurangkan perbelanjaan terhadap kehendak seperti *gajet* dan hiburan.

Langkah untuk berjimat cermat dan berhati-hati terhadap perbelanjaan, terutamanya perbelanjaan secara dalam talian ini penting kerana penularan wabak ini belum pulih sepenuhnya, dan tidak mustahil jika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berulang lagi pada bila-bila masa. Menurut Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), pelbagai kemungkinan boleh berlaku termasuk pemotongan gaji serta elaun dan pemberhentian kerja oleh majikan disebabkan kesan ekonomi semasa yang tidak menentu.

Oleh itu, amatlah wajar bagi golongan yang pendapatan mereka terjejas disebabkan krisis ini, menguruskan kewangan dengan lebih cermat dan teliti. Kemas kini penyata harta bersih, penyata gaji dan penyata aliran tunai. Pada masa yang sama, mungkin boleh dipertimbangkan untuk mencairkan sebahagian daripada aset tertentu, terutamanya yang melibatkan liabiliti kepada pendapatan. Namun begitu, hal ini perlu diteliti termasuk mengambil kira segala insentif dan bantuan yang diberikan oleh kerajaan dan pihak tertentu sama ada mencukupi atau tidak bagi menampung keperluan semasa isi rumah.

Selain itu, perbelanjaan secara berhempah dapat dilakukan dengan mencatat perbelanjaan bulanan atau pengurusan aliran tunai duit keluar masuk seperti biasa meskipun ketika dalam tempoh PKP yang dianggap oleh sebahagian masyarakat sebagai tempoh berjimat atau kurang berbelanja. Hal ini dikatakan demikian kerana medium perbelanjaan secara maya, misalnya secara dalam talian boleh mengundang padah terhadap perbelanjaan seseorang sekiranya tidak dikawal dengan betul. Lebih-lebih lagi perniagaan yang hanya menggunakan khidmat perbankan secara dalam talian yang mungkin menyebabkan seseorang tidak menyedari aliran tunai mengalir deras daripada akaun



simpanan. Malah, lebih parah jika mereka berbelanja menggunakan perkhidmatan kad kredit sehingga tidak dapat membayar semula kos perbelanjaan yang telah dilakukan.

Gaya perbelanjaan pada masa ini yang melibatkan sistem urus niaga dalam talian yang hanya melibatkan pembayaran dalam talian perbankan atau aplikasi e-dompot, serta penawaran servis penghantaran barangan dari rumah ke rumah juga akan membawa padah sekiranya kita berbelanja sesuka hati. Apatah lagi jika kita tidak membuat perancangan perbelanjaan bulanan dengan baik terhadap aliran kewangan isi rumah.

Bagi memupuk budaya berjimat cermat dalam urusan harian, lebihan wang yang ada wajar disimpan terutamanya untuk tabung kecemasan keluarga. Tabung ini amat penting sekiranya berlaku sebarang ketidaktentuan seperti situasi yang kita lalui ini. Kita harus mengambil *ibrah* daripada catatan sirah yang berlaku pada zaman Nabi Yusuf a.s. dan cara Baginda menyelesaikan krisis ekonomi dan kemarau yang melanda Mesir pada waktu itu. Melalui kisah ini, Allah SWT memberikan panduan kepada seluruh umat manusia agar membuat simpanan sebagai persediaan menghadapi pelbagai bentuk ujian dan musibah. Allah SWT mengkhabarkan dalam *Surah Yusuf*, yang bermaksud, "Yusuf berkata: 'Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa-apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkainya; kecuali sedikit daripada bahagian yang kamu jadikan untuk makan. Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemarau yang besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya, kecuali sedikit daripada apa-apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih). Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya).'" (*Surah Yusuf* 12:47-49)

Kisah ini sebenarnya merupakan tafsiran mimpi yang dilakukan oleh Nabi Yusuf a.s. di dalam penjara apabila rakan sepenjara Baginda memintanya untuk mentafsirkan mimpi yang dialami oleh raja Mesir pada waktu itu.

Hasil daripada langkah berjimat cermat ini, kerajaan Mesir telah berjaya bertahan dan mendepani cabaran kemarau yang teruk untuk tempoh tujuh tahun. Kejayaan Mesir ini turut dikongsi oleh seluruh Timur Tengah termasuk negara Palestin yang mendapat bantuan Mesir yang juga berdepan dengan situasi yang sama.

Kejayaan Mesir berhadapan dengan krisis kemarau panjang yang berlarutan merupakan hasil usaha dan idea Nabi Yusuf a.s. yang dilantik sebagai menteri kewangan Mesir. Malah, beberapa formula telah disusun dengan rapi oleh Nabi Yusuf a.s. agar Mesir dapat bertahan ketika musim kemarau tersebut yang mampu melumpuhkan ekonomi negara.

Melalui kisah yang terdapat dalam al-Quran tentang kaedah yang dilakukan oleh Nabi Yusuf a.s. sewaktu menyelesaikan masalah kemarau, Baginda mendidik masyarakat tentang formula simpan dahulu belanja. Kemudian, apabila datang musim menuai, jangan semua yang dituai dijadikan makanan, tetapi menyimpan sebahagiannya di dalam gudang. Baginda turut mengajar rakyat Mesir supaya mengekalkan kesegaran gandum yang disimpan di dalam gudang dengan tidak membuang kulit berserta tangkainya agar gandum tersebut sentiasa segar untuk digunakan dalam tempoh kemarau tersebut.

Seterusnya, berilah keutamaan kepada perkara yang lebih utama dan penting ketika berbelanja dan jangan sampai berbelanja mengikut hawa nafsu. Perihal mimpi raja Mesir juga menjadi *ibrah* kepada kita dengan mengutamakan perkara yang penting dengan memberikan contoh simbolik lembu dan juga tangkai gandum tersebut. Lembu merujuk kenderaan, manakala gandum pula merujuk pertanian. Dalam hal ini, Nabi Yusuf a.s. melihat pertanian lebih utama untuk diusahakan berbanding dengan tumpuan pada kenderaan. Maka itu, seharusnya kita juga membuat keutamaan terhadap perbelanjaan yang penting sahaja dan bakinya dijadikan sebagai simpanan yang boleh digunakan sewaktu kecemasan seperti ketika dilanda musibah.

Dalam usaha mengawal selia pengurusan kewangan isi rumah yang baik, pengurusan kewangan hendaklah berdasarkan kemampuan sendiri seperti kata pepatah "ukur baju di badan sendiri". Jangan hanya kerana ingin mengikut trend dan gaya hidup terkini seperti orang lain yang berkemampuan, kita merana pada kemudian hari. Oleh itu, bagi orang yang bijak, mereka akan mengenal pasti pelbagai "hutang jahat" seperti pembiayaan kad kredit, skim ansuran mudah, dan pembiayaan peribadi, kepada "hutang baik" yang akan memberikan implikasi positif terhadap aliran tunai isi rumah. Maka itu, dengan situasi sewaktu pandemik COVID-19 ini, sewajarnya kita memanfaatkan moratorium pembiayaan kereta dan rumah yang diberikan kerajaan untuk menyelesaikan kesemua "hutang jahat" yang masih dimiliki agar tidak menjadi bebanan pada masa akan datang.



“Setiap cabaran baru menjadikan manusia lebih kreatif dan ligat untuk berfikir, merancang dan meningkatkan keupayaan untuk membuat inovasi dan adaptasi terutamanya dalam aspek pengurusan kewangan.”

Pastinya, kesan pandemik ini terhadap ekonomi negara, syarikat dan isi rumah akan mengambil masa yang panjang untuk dipulihkan. Mungkin memakan masa bertahun-tahun dan bergantung pada kecekapan ejen ekonomi tersebut beradaptasi dengan situasi semasa, terutamanya dalam aspek pengurusan kewangan.

Mengambil analogi yang pernah dikongsi oleh Profesor Madya Dr. Aisyah Abdul Rahman dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), menurutnya walaupun seluruh dunia mengalami ribut taufan di lautan yang sama, masing-masing mempunyai spesifikasi kapal yang berbeza. Ada yang besar, gah dan utuh. Ada yang sederhana kukuh, manakala ada ibarat rakit buluh ataupun pelepah kelapa yang pada bila-bila masa sahaja mungkin ditelan gelombang.

Perumpamaan ini menggambarkan bahawa pandemik COVID-19 memberikan impak ekonomi

yang berbeza kepada kita. Oleh itu, penting untuk kita bersiap siaga menguruskan kewangan berdasarkan kemampuan masing-masing dengan sebaik-baik mungkin untuk bertahan dengan ujian ekonomi yang sukar ini.

Pastinya, setiap cabaran baru menjadikan manusia lebih kreatif dan ligat untuk berfikir, merancang dan meningkatkan keupayaan untuk membuat inovasi dan adaptasi terutamanya dalam aspek pengurusan kewangan. Inilah kelebihan ciptaan Allah SWT kepada manusia yang dianugerahkan akal dan tenaga bagi menghadapi hari mendatang. Firman Allah SWT yang bermaksud, “Sesungguhnya Allah (SWT) tidak mengubah nasib sesuatu kaum, sehinggalah kaum itu sendiri yang mengubah apa-apa yang ada dalam diri mereka.” (*Surah al-Ra’d* 13:11). DTI